

Spektrum @ PSN

Edisi 01
2013

Apa yang menarik bulan ini?

Star Trek: The Exhibition bawa pengunjung terokai masa

Drama Bersiri Planet Kiara popularkan sains

Festival Sains 2012 tarik lebih 13,000 pengunjung

Sana-sini PSN

Info Sains

Program menarik akan datang

Judul buku untuk bulan ini

Jom kenali bahan pameran di PSN

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : www.psn.gov.my

Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://facebook.com/PusatSainsNegara)



STAR TREK: THE EXHIBITION BAWA PENGUNJUNG TEROKAI MASA HADAPAN

Pusat Sains Negara: Star Trek: The Exhibition buat julung-julung kalinya dibawa ke Asia dan Kuala Lumpur telah menjadi destinasi pertama bagi pameran ini yang sememangnya begitu popular sekitar tahun 1980-an. Pameran yang akan berlangsung sehingga 31 Mac 2013 ini penuh dengan keseronokan beserta pengetahuan mengenai sains, teknologi serta angkasa lepas.

Pengunjung yang hadir ke pameran ini berpeluang untuk mengetahui bagaimana sesuatu benda itu pada mulanya hanyalah khayalan tetapi telah menjadi inspirasi kepada terhasilnya ciptaan-ciptaan terbaru pada masa kini.

Selain itu, Star Trek: The Exhibition memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat koleksi terbesar artifak, kostum serta kelengkapan yang digunakan dalam kesemua 5 siri televisyen dan 11 filem Star Trek yang pernah ditayangkan.

Oleh itu, para peminat Star Trek perlu mengambil kesempatan terbaik ini untuk datang menyaksikan sendiri pameran yang sedang berlangsung di Pusat Sains Negara.



DRAMA BERSIRI PLANET KIARA POPULARKAN SAINS

13 Disember 2012 : Bersempena dengan penerbitan drama bersiri Planet Kiara, Pusat Sains Negara bekerjasama dengan Bleu Nagas Productions menganjurkan Majlis Pelancaran Drama Bersiri Planet Kiara yang disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) MOSTI.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk menghebahkan kepada masyarakat dan media massa mengenai penerbitannya dan memberikan nafas baru kepada fungsi Pusat Sains Negara selaku peneraju pendidikan sains dan teknologi tidak formal di negara ini.

Drama bersiri Planet Kiara dijangka akan menjangkau sekurang-kurangnya satu juta masyarakat Malaysia pada setiap kali tayangan. Drama ini dijadualkan menemui penonton mulai 27 Disember 2012, pada setiap hari Khamis, jam 6.30 petang di TV3 selama 26 episod. 13 episod pertama ditayangkan mulai awal tahun 2013 dan akan diulangtayang sebelum 13 episod kedua menemui penonton.



FESTIVAL SAINS 2012 TARIK LEBIH 13,000 PENGUNJUNG

10 Disember 2012 : Pusat Sains Negara sekali lagi menganjurkan Festival Sains buat kali kedua berturut-turut sejak kali pertama diadakan pada tahun lepas. Festival yang telah berlangsung pada 10 Disember dan berakhir pada 16 Disember 2012 ini memberikan pengalaman hebat dengan pelbagai variasi pengisian yang mendapat perhatian dan sambutan hebat dari orang ramai.

Festival Sains selama tujuh hari ini memberikan peluang kepada orang awam pelbagai latarbelakang dan usia untuk mengambil bahagian. Ia berfungsi sebagai titik tumpuan pelbagai acara bagi mempopularkan dan mengenangkan pelbagai aktiviti sains yang cukup mengujakan.

Antara aktiviti yang telah dianjurkan adalah pameran bas bergerak daripada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Meteorologi dan Jabatan Bomba, pertandingan mewarna dan mencanting batik, persembahan Science Show, Musical Science Show, Magic Show dan juga Science Busking.

Di samping itu, Festival Sains 2012 turut dimeriahkan dengan aktiviti-aktiviti luar yang berbentuk lasak dan mencabar seperti flying fox, abseiling, wall climbing, paint ball, horse riding serta inflatable game.

Kejayaan Pusat Sains Negara dalam menganjurkan Festival Sains pada tahun ini pastinya akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan pelbagai lagi variasi aktiviti yang menarik dan menghiburkan.



DRAMA BERSIRI
PLANET KIARA
(EPISOD 1)

27 Disember 2012
TV3



SIARAN LANGSUNG
RANCANGAN
WANITA HARI INI (TV3)
DI PUSAT SAINS NEGARA

11 Disember 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

PERASMIAN
PROJECT LINKAGES

5 Disember 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Pluto merupakan planet yang kecil dan paling jauh

daripada sistem suria kita. Namun, pada tahun 2006 planet ini tidak

lagi diiktiraf secara rasmi sebagai salah satu planet

dalam Sistem Suria!


PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

PAMERAN STAR TREK


13 Disember 2012 - 31 Mac 2013

Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur**PAMERAN
SPORT & SPINACH**

22 Disember 2012 - 31 Ogos 2013

Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur**JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI****THE ART OF TEACHING SCIENCE**

Buku ini mengenangkan pandangan mengenai panduan mengajar ilmu sains yang berasaskan penyelidikan kedua-dua kaedah iaitu kontemporari dan klasik. Penulis menggambarkan bahawa mengajar sebagai satu proses yang dipengaruhi oleh pengalaman terdahulu, kepercayaan, pengetahuan serta sikap. Buku ini lebih menekankan mengenai kemanusiaan, pendekatan eksperiental dan konstruktif untuk pengajaran dan pembelajaran dan mengintegrasikan pelbagai alat pedagogi.

**FUNGSI**

Bahan pameran ini menerangkan mengenai konsep mesin ringkas yang berfungsi untuk mengangkat dan menurunkan objek yang berat.